

Dr M yakin pengundi tolak pembangkang

BH 25 SEP 2004

KUCHING, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yakin pengundi di Sarawak tidak akan memilih parti pembangkang yang tidak mampu menubuhkan kerajaan, apabila keluar mengundi bagi pilihan raya negeri Sarawak kelapan, Khamis ini.

Perdana Menteri berkata parti pembangkang yang bertanding pada pilihan raya Sarawak kali ini, tidak meletakkan jumlah calon yang cukup untuk membentuk sebuah kerajaan, sekali pun jika mereka menang.

"Pas yang sengaja meng-

api-apikan semangat ekstrim Islam, hanya meletak tiga calon tetapi nak memerintah Sarawak ini.

"Parti Keadilan pula kuitip macam-macam orang untuk bertanding, kebanyakannya adalah mereka yang kecewa kerana tidak mendapat tempat dalam Barisan Nasional (BN).

"Takkanlah orang Sarawak bodoh sangat nak percaya kepada mereka yang tidak dapat mengumpul calon yang cukup untuk bertanding dan membentuk sebuah kerajaan yang memerlukan sekurang-ku-

rangnya 32 calon (Sarawak mempunyai 62 kawasan Dewan Undangan Negeri)," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap di Majlis Pemimpin Bersama Rakyat di Stadium Perpaduan, Petra Jaya di sini, malam ini.

Dr Mahathir berkata, hanya yang ada pada pilihan raya Sarawak kali ini, ialah calon-calon Bebas yang tidak ada kerja lain, yang membenarkan diri mereka dicalonkan dengan harapan orang lain akan bayar duit kepada mereka, supaya tidak me-

neruskan niat untuk bertanding.

Inilah, kata beliau, jenis orang-orang yang bertanding melawan BN dalam pilihan raya Sarawak kali ini.

"Kita bukan nak tepuk dada, bukan nak cakap sombong. Kita sanggup bertanding dalam pilihan raya, tapi janganlah pilih orang semacam ini untuk jadi calon.

"Mereka cakap besar nak buat itu dan ini, tetapi tidak pun mempunyai bilangan calon yang cukup untuk mendirikan kerajaan," katanya.